

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 18 NOVEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 63

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L14732
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan :-
 - (a) apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah saluran TV/RTM berbanding dengan dua saluran yang sedia ada; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian bersedia untuk memperbanyakkan lagi rancangan etnik Malaysia bagi menggambarkan "Truly Malaysian."
2. PR-1213-L15078
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah bayaran per kapita untuk sekolah agama rakyat dan per kapita untuk sekolah agama di bawah kelolaan Kerajaan negeri akan dibayar sebagaimana hak yang diberi kepada sekolah lain di seluruh negara.
3. PR-1213-L16407
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pembunuhan yang berlaku di negara ini sepanjang tempoh 2004-2007 serta kes yang telah diselesaikan dan berapakah jumlah kes kematian akibat membunuh diri dalam tempoh tersebut.
4. PR-1213-L16467
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tahap, hasil dan kesan perjanjian Dagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan Amerika Syarikat sekarang ini dan kesan perjanjian Dagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan negara-negara lain yang telah termeterai setakat ini.

5. PR-1213-L15039
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi menyahut kehendak dunia dalam mengatasi fenomena pemanasan global (global warming).
6. PR-1213-L15886
Tuan Haji Abd Aziz bin Abd Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
 - (a) jumlah trip purata mingguan bas ekspres antara Kota Bharu-Kuala Lumpur sejak 2005 hingga sekarang; dan
 - (b) jumlah saman yang telah dikeluarkan kepada pemandu bas ekspres bagi perjalanan Kota Bharu-Kuala Lumpur bagi tempoh yang sama.
7. PR-1213-L14707
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Internet desa di kawasan luar bandar di Parlimen Sri Aman.
8. PR-1213-L16339
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis bantuan perubatan yang boleh diperoleh kaum daif daripada rawatan luar hingga operasi/pembedahan yang melibatkan perbelanjaan yang besar. Juga terangkan syarat-syarat bagi permohonan ini.
9. PR-1213-L14948
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah surat sumpah atau 'statutory declaration' memadai dan tidak perlu mendapatkan surat beranak seperti sijil lahir asal.
10. PR-1213-L16306
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan projek pengurusan sisa pepejal negeri Melaka dengan memberikan butir-butir projek ini seperti kos projek, sistem yang akan digunakan, lokasinya dan bilakah projek ini akan dibina.
11. PR-1213-L15164
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gred ataupun pangkat secara automatik kepada guru-guru yang telah mendapat anugerah khidmat cemerlang sebanyak dua kali.

12. PR-1213-L16211
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) pecahan aduan polis yang diterima daripada orang awam bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 dan yang berjaya disiasat/diselesaikan (termasuk didakwa di mahkamah), tertanggung dan ditolak; dan
 - (b) berapa aduan tahun 2005 dan sebelumnya yang tertanggung serta sebab-sebab tertanggung.
13. PR-1213-L14692
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan yang dicapai setakat ini menerusi penggunaan inisiatif kewangan swasta ataupun Private Finance Initiative (PFI) bagi projek-projek yang dicadangkan dalam menggunakan konsep ini dalam RMKe-9 yang lepas.
14. PR-1213-L14990
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selepas Kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk membanteras gejala dadah melalui pemulihan di pusat serenti, Persada dan sebagainya, masih kurang daripada 30% penagih yang benar-benar dapat dipulihkan. Adakah Kerajaan sedia mengkaji semula program-program lain yang lebih berkesan.
15. PR-1213-L15870
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak di belanja untuk pentadbiran dan gaji kakitangan perkhidmatan awam di bawah Belanjawan Tahunan. Bagaimana pula jika jumlah perbelanjaan ini dibandingkan dengan yang dibelanjakan oleh negeri-negeri yang setaraf dengannya dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan perbelanjaan ini.
16. PR-1213-L15723
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pemegang Kad Pengenalan merah di negara ini sehingga sekarang dan bolehkah Kementerian membentangkan angka pemegang kad Pengenalan merah dan kaumnya.
17. PR-1213-L15668
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan semasa dan selepas Rejimen Askar Melayu Diraja mengadakan kawad kehormat di Buckingham Palace, London dan mendapat liputan meluas sebagai antara yang terbaik, apakah tindakan susulan untuk meningkatkan imej pasukan tersebut di negara-negara lain seperti Jepun dan negara-negara Eropah yang lain.

18. PR-1213-L15370
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa dalam kes-kes lewat serah rumah, pemaju-pemaju membayar pampasan yang perlu kepada pembeli-pembeli dan sekiranya tiada, kenapa.
19. PR-1213-L15465
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan memandangkan isu Perubahan Iklim merupakan isu yang serius yang dihadapi oleh manusia sejagat pada hari ini, apakah keputusan-keputusan dasar yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perubahan Iklim, yang telah ditubuhkan pada tahun 2007.
20. PR-1213-L15880
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan dan jumlah perbelanjaan kerajaan dan rumah terbuka sempena menyambut bulan Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri/Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali, Gawai, Dayak, Pesta Ka'amatan, Krismas, Good Friday, Wesak, Hari Kebangsaan dan sebagainya yang dianjurkan oleh Ahli-ahli Parlimen BN yang disalurkan menerusi peruntukan khas kawasan Parlimen dalam tahun 2007 bagi mengadakan acara-acara tersebut dan namakan 10 kawasan Parlimen yang tertinggi berbelanja.
21. PR-1213-L15848
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) benarkah pada April 1999 pemberita Mutalib Mohd Daud telah menerbitkan sebuah buku bertajuk "IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah" ISBN 983-9280-32-5; dan
 - (b) sudahkah pihak polis menyiasat tuduhan dalam buku tersebut yang menyebut terdapat penyelewengan yang ketara oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dalam pilihan raya di Sabah.
22. PR-1213-L15820
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan serius dalam menyelesaikan isu pembatalan MoU Universiti Al-Azhar dengan kolej-kolej Islam awam dan swasta di Malaysia.

23. PR-1213-L16121
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang menggubal semula dasar-dasar baru pemberian lesen menangkap ikan kepada nelayan-nelayan terutamanya nelayan-nelayan pesisir pantai bagi membolehkan golongan yang berhak mendapatkan lesen tersebut tidak terpinggir; dan
 - (b) sejauh manakah pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan ke atas nelayan-nelayan yang menangkap ikan mengikut kategori mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
24. PR-1213-L15664
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang akan diambil ke atas pihak pensyarah Biro Tatanegara yang menggalakkan fikiran "racist" apabila mendesak bahawa "kalau ular dengan India depan mata, ketuk India dulu" dan menayangkan video menuduh pemimpin Teresa Kok dan Ezam Mohd Noor sebagai penyokong "Zionist".
25. PR-1213-L15713
Datuk Tiang Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perairan negara kita kaya dengan sumber perikanan, apakah polisi Kerajaan yang ditetapkan kepada pengusaha perikanan untuk mengekalkan kekayaan sumber perikanan kita.
26. PR-1213-L15215
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Kerajaan membenarkan orang-orang Islam terus menerus terlibat dengan perusahaan dan penjualan arak sedangkan fatwa dan juga enakmen-enakmen syariah mengenainya sudah pun wujud di semua negeri.
27. PR-1213-L16251
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian merancang membina pagar di sepanjang sempadan kawasan Kem Latihan Tentera Paradise di Kota Belud untuk mengelakkan pencerobohan ke kawasan tersebut atas tujuan keselamatan.
28. PR-1213-L14789
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesemua elaun dan faedah yang dinikmati oleh seorang anggota Kabinet dan nyatakan sama ada mana-mana elaun dan faedah yang akan dibatalkan atau dikurangkan selain daripada pengurangan 10 peratus elaun hiburan dan lain-lain yang diumumkan sebelum ini.

29. PR-1213-L15624
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk menolong ibu tunggal, warga emas dan orang miskin di setiap daerah dalam negeri johor. Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima serta yang telah berjaya mendapat bantuan.
30. PR-1213-L15895
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah untuk membasmi papan iklan yang tidak sah dan berstatus haram; dan
 - (b) adakah Kementerian merancang untuk mengkaji semula kontrak dengan syarikat terpilih untuk menguruskan papan iklan.
31. PR-1213-L15904
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah program rakan muda dilaksanakan di peringkat luar bandar; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian melakukan anjakan paradigma di dalam Program Rakan Muda untuk memperkasakan golongan belia menghadapi cabaran di abad seterusnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2009 (D.R.16/2008) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009 seperti berikut:-**

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (17 November 2008)

2. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Indentifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 – **Pertimbangan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (28 Ogos 2008)**

(Menteri Dalam Negeri)
3. (D.R. 12/2008) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008 **Bacaan Kali Yang Kedua**

(Menteri Pengajian Tinggi)
4. (D.R. 14/2008) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. “

(Menteri Pengajian Tinggi)
5. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. “

(Menteri Pertahanan)
6. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. “

(Menteri Kewangan)

7. (D.R. 17/2008) Rang Undang-undang Kewangan 2008 “
(Menteri Kewangan)
8. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008 “
(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

10. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bio-plastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

11. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

12. PR-1213-U14757

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

13. PR-1213-U15554
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."
- (Menteri Wilayah Persekutuan)**
14. PR-1213-U15555
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."
- (Perdana Menteri)**
15. PR-1213-U16405
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
- (Menteri Penerangan)**
16. PR-1213-U16408
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**
17. PR-1213-U16411
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."
- (Perdana Menteri)**

18. PR-1213-U16414

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1213-U14923

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

(Perdana Menteri)

20. PR-1213-U14926

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khususnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

21. PR-1213-U14928

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

22. PR-1213-U16495

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

23. PR-1213-U16496

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

24. PR-1213-U16497

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

25. PR-1213-U16498

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

26. PR-1213-U14755
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1213-U14756
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

28. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah pro-aktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasaran di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

29. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

30. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

31. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

32. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan penggantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

33. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

34. PR-1213-U14893
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari perdamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

35. PR-1213-U14894
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara."

(Menteri Pengajian Tinggi)

36. PR-1213-U14896
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

37. PR-1213-U15687
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

38. PR-1213-U15416
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

39. PR-1213-U14683
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

40. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merancakkan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

41. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

42. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

43. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

(Menteri Dalam Negeri)